



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

UCAPAN

YBRS EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI
KETUA PENGARAH
JABATAN STANDARD MALAYSIA

***STANDARDS COMPLIANCE STEWARDSHIP PROGRAMME FOR
ENTERPRISES (ESCAPE), AWARENESS TRAINING BAGI MS ISO
21101:2014 ADVENTURE TOURISM SAFETY MANAGEMENT SYSTEMS
(ATSMS)***

31 OKTOBER 2023

**DEWAN SANGGAR PUJANGGA,
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA, PUTRAJAYA**

YBhg Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain
Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan)
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

YBrs En. Roslan bin Mohammad
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

YBrs Pn. Masliza binti Che Omar
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

YBrs Cik Fiona Carolina Albert
Penolong Pengurus,
Bahagian Latihan Sistem Pengurusan,
NIOSH Certification Sdn. Bhd.

Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir pada hari ini ke program *Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises (ESCAPE)*, *Awareness Training* bagi MS ISO 21101:2014 *Adventure Tourism Safety Management Systems (ATSMS)*. Saya ingin

merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) kerana sudi menjadi penganjur bersama bagi program pada hari ini. Sekalung ucapan terima kasih juga kepada Persatuan Penganjur-penganjur Aktiviti Lasak Malaysia (PPALM) di atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan program ini.

2. Saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada para peserta yang hadir, terdiri daripada pemain industri dalam bidang *adventure tourism*. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada para sekretariat yang bertungkus lumus dari awal sehingga akhir bagi menjayakan dan merealisasikan program ini.

YBhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

3. Aktiviti *adventure tourism* kini semakin berkembang maju di Malaysia selari dengan pertumbuhan pusat pelancongan yang menawarkan pelbagai aktiviti mencabar seperti meredah hutan, berkayak, berakit, selam skuba dan mendaki. Walau bagaimanapun, setiap aktiviti mempunyai risiko dan berpotensi mengancam keselamatan peserta. Justeru itu, JSM telah membangunkan *Malaysian Standards MS ISO 21101:2014 - Adventure tourism – Safety management systems – Requirements* dan dilancarkan pada 23 Mac 2022 oleh YBhg. Datuk TKSU sendiri. MS ISO 21101 adalah dokumen terbaik untuk dirujuk oleh penyedia aktiviti *adventure tourism* yang menawarkan perkhidmatan ini. MS ISO 21101 menetapkan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan kepada pengendali aktiviti *adventure tourism* yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi keselamatan, memahami keperluan peserta dan merancang prosedur untuk pengurusan risiko.

4. Kesenambungan daripada pembangunan MS ISO 21101, JSM dan MOTAC bersetuju untuk melaksanakan program *Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises* atau ESCAPE bagi sektor *adventure tourism* ini. ESCAPE merupakan program khusus untuk meningkatkan penggunaan dan pematuhan standard di kalangan industri terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME), ke arah peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan melalui bimbingan latihan teknikal dan khidmat nasihat pakar tanpa sebarang kos bermula daripada fasa kesedaran sehingga fasa pematuhan. Syarikat yang terpilih akan diberi latihan dan bimbingan bagi mengukuhkan pemahaman tentang MS ISO 21101 termasuk dari segi pembangunan dokumentasi dan pelaksanaan prosedur yang mematuhi keperluan standard ke arah mendapatkan pensijilan.

5. Sehingga kini, program ESCAPE memberi fokus untuk membantu pemain industri dalam bidang masing-masing bagi mematuhi standard berkaitan *Road Traffic Safety Management Systems, Business Continuity Management Systems, Halal Food, Occupational Health and Safety Management Systems, Halal Cosmetics* dan yang terkini *Adventure Tourism – Safety Management Systems*.

6. JSM juga menjalinkan kerjasama dengan beberapa buah kementerian dan agensi kerajaan sebagai rakan strategik bagi pelaksanaan program ESCAPE iaitu Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) serta MOTAC bagi menjamin program yang dijalankan mencapai objektif yang ditetapkan.

7. Sebanyak 110 buah syarikat daripada seluruh negara telah dibimbing secara *hand-holding* di bawah program ESCAPE dengan diberikan latihan teknikal dan khidmat nasihat pakar terhadap standard-standard yang telah dikenalpasti sebagai persediaan bagi mendapatkan pensijilan.

8. Daripada jumlah tersebut, suka untuk saya maklumkan bahawa sebanyak 10 syarikat yang telah berjaya mendapatkan pensijilan dalam bidang masing-masing. Manakala syarikat-syarikat yang lain dalam fasa persediaan akhir untuk mendapatkan pensijilan. Kejayaan ini memberi impak yang besar kepada JSM kerana telah berjaya membantu industri dalam mematuhi standard-standard tersebut serta mendapat maklum balas yang positif terutamanya daripada peserta ESCAPE. JSM sangat teruja dengan perkembangan ini.

YBhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

9. Oleh itu, saya amat berharap agar MOTAC akan terus memberikan sokongan padu kepada program ESCAPE ATSMS ini bagi membantu pemain industri mematuhi keperluan MS ISO 21101 sehingga berjaya mendapatkan pensijilan. Ini sekaligus dapat memberikan keyakinan kepada pelanggan bahawa aktiviti-aktiviti pelancongan pengembaraan yang dilaksanakan di Malaysia adalah selamat.

10. Saya juga berharap agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat memanfaatkan sepenuhnya program pada hari ini dan kekal sehingga akhir program. Sesungguhnya kehadiran dan komitmen Tuan-Tuan dan Puan-Puan sepanjang sesi latihan ini amat dihargai. Semoga program *Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises (ESCAPE), Awareness*

Training bagi MS ISO 21101:2014 *Adventure Tourism Safety Management Systems* (ATSMS) ini berjalan dengan lancar serta mencapai matlamatnya.

Sekian, terima kasih.